

Matematik Permulaan (Siri 1 & Siri 2)

Pengarang
Profesor Dr. Marzita Puteh

Penerbit
Prentice Hall Malaysia

ISBN
(Siri 1) 983-2473-78-0,
(Siri 2) 983-2473-94-2

No. Panggilan
m QA11.5 M393 2003 v.1
m QA11.5 M393 2003 v.2



Matematik Permulaan (Siri 1) dan (Siri 2) merupakan buku yang ditulis untuk pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi bagi tujuan memperkayakan pengetahuan dan pemahaman matematik asas mereka. Ianya diterbitkan khas untuk membantu dan mewujudkan refleksi di kalangan pelajar mengenai apa yang dipelajari.

Buku Matematik Permulaan ini ditulis oleh Profesor Dr. Marzita Puteh yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik) dari Reading University, England. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan dalam bidang Komputer dalam Pendidikan (C-I-E) dari Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD.) dalam bidang Matematik dari University of East Anglia, Norwich, England. Kini, beliau berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Buku ini berkonsep nota dan tutorial yang bertujuan untuk membantu pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di dalam Siri 1, terdapat empat topik utama iaitu Set; Sistem Nombor Nyata; Eksponen, Logaritma dan Surd; dan Geometri Koordinat manakala dalam Siri 2, juga memuatkan 4 topik lanjutan iaitu Trigonometri; Vektor; Nombor Kompleks; dan Statistik. Setiap satu bab tersebut disertakan contoh-contoh penyelesaian dan beberapa komponen khas tambahan yang diistilahkan dengan panggilan sudut. Sudut Tutorial mempamerkan soalan-soalan untuk membantu kemahiran pelajar di dalam setiap topik, manakala Sudut Perbincangan memberi peluang untuk pelajar membincangkan proses penyelesaian soalan-soalan yang dipamerkan. Sudut Laman Web memberi cabaran kepada pelajar untuk memperluaskan pengetahuan dan kemahiran mereka dengan melayari pelbagai laman web yang berkaitan dengan setiap topik. Sudut Soalan Lepas pula mempamerkan koleksi soalan-soalan tahun lepas dan Sudut Bank Soalan memuatkan koleksi soalan-soalan pelbagai termasuklah soalan-soalan tahun lepas yang terdahulu.

Sistem penyampaian isi kandungan dan konsep matematik dilakukan dengan mudah dan bersahaja agar pembelajaran matematik lebih menyeronokkan dan tidak membosankan. Buku ini diharapkan akan menjadi landasan dan pemangkin kepada pemikiran kritis dan kritikal di kalangan pelajar di dalam matematik di samping dapat menganjukkan paradigma pemikiran pelajar terhadap mata pelajaran matematik yang stereotaip kepada sesuatu yang lebih menarik.


Kalendar, Masa dan Manusia

Pengarang
Profesor Dr. Mohammad Ilyas

Penerbit
Dewan Bahasa dan Pustaka

ISBN
983-62-7323-9

No. Panggilan
m CE15 I29 2002



Buku Kalendar, Masa dan Manusia yang ditulis oleh Profesor Dr. Mohammad Ilyas ini membincangkan secara umum tentang aspek sistem kalendar. Tujuannya adalah untuk memberi pemahaman yang lebih luas tentang persoalan ini khususnya bagi pembaca yang amat meminati bagaimana sistem kalendar diwujudkan. Pembaca tidak perlu mendalami astronomi matematik untuk memahami isu yang dibincangkan.

Diterangkan dalam 10 bab utama dan setiap satunya terdapat pelbagai gambarajah berwarna dan gambarajah peta bagi menyokong fakta-fakta serta memantapkan lagi pemahaman pembaca. Selain itu, dilampirkan juga dengan kalendar Islam dan kalendar Cina di pengakhiran buku tersebut.

Sasaran pembaca difokuskan khas kepada para pelajar yang mengikuti kursus sejarah dan falsafah sains di peringkat universiti. Walau bagaimanapun, ia juga sesuai di baca oleh masyarakat umum yang berminat dalam sejarah, falsafah dan pemikiran sains. Buku ini juga amat sesuai untuk pelajar di peringkat sekolah serta boleh digunakan sebagai bahan bacaan untuk menambah pengetahuan dari aspek astronomi atau agama.

Penggunaan bahasanya mudah dan senang difahami walaupun pembaca bukan dari kalangan atau berlatar belakang pendidikan dalam bidang sains.

Ketiga-tiga buku ini boleh diperolehi di Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis. Bahan ini ditempatkan di Koleksi Rak Terbuka

Baca@Perpustakaan UniMAP